

PSB - Bahagian Arkib

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, 5 December, 2019 3:24 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: IPQ Berjaya Kekalkan Pensijilan QE/5S Dari MPC Kali Ke-5



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

5 DISEMBER 2019 / 8 RABIULAKHIR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: IPQ

IPQ BERJAYA KEKALKAN PENSIJILAN QE/5S DARI MPC KALI KE-5



UUM ONLINE: Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) telah berjaya mengekalkan Pensijilan Persekitaran Berkualiti QE/5S buat kali ke-5 daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), baru-baru ini.

Pengarah IPQ, Prof. Dr. Sany Sanuri Mohd. Mokhtar berkata, objektif pelaksanaan 5S bukan sahaja dilihat dari segi fizikal seperti cantik dan kemas sahaja, malahan objektif sebenar IPQ melaksanakannya di UUM adalah untuk menyokong Sistem Pengurusan Kualiti di UUM supaya lebih efisien dan teratur.

"Saya berterima kasih kepada semua pihak termasuk UPSB yang banyak membantu dalam aspek penjagaan kebersihan dan persekitaran yang berkualiti dan berharap dengan pengekalan budaya QE/5S ini dapat meningkatkan imej korporat IPQ kepada pemegang taruh yang berurusan dengan IPQ," katanya.

Proses audit bermula dengan semakan dokumentasi *online* yang disediakan oleh Ahli Jawatankuasa Induk 5S, Audit, Latihan, Promosi dan Zon.

Seterusnya, juruaudit telah melawat persekitaran IPQ yang merangkumi Zon Bahagian Perancangan Korporat, Zon Bahagian Sistem Kecemerlangan Kualiti serta Zon Bahagian Pentadbiran dan Daya Saing.

Sesi pengauditan telah dilaksanakan juruaudit MPC Wilayah Utara, Adlina Snawi.

Beliau berkata, IPQ telah berjaya mengamalkan persekitaran berkualiti dengan amat baik.

Menurutnya, trend dan analisis yang berimpak tinggi perlu di '*highlight*' bagi membuktikan pelaksanaan dan menunjukkan keunikan perkhidmatan IPQ kepada pemegang taruh.

Beliau juga turut berkongsi ilmu dan pengalaman dalam melaksanakan audit dan memperkenalkan penggunaan *kaizen sheet* kepada staf IPQ.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.